

BR PROSPER-i

SOALAN LAZIM

1) Apakah itu BR PROSPER-i?

BR PROSPER-i merupakan program pembiayaan khusus bagi usahawan berbangsa Cina yang menjalankan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Program ini bertujuan untuk menampung keperluan modal kerja dan/atau perbelanjaan modal bagi membantu mengembangkan perniagaan mereka, di samping menyokong pembangunan ekonomi negara yang lebih inklusif, selaras dengan matlamat Bank Rakyat dalam menyantuni golongan *unserved* dan *underserved* demi menjana ekonomi yang mampan.

2) Berapakah dana yang diperuntukkan bagi program ini?

Bank Rakyat memperuntukkan RM50 juta untuk program BR PROSPER-i.

3) Apakah jenis pembiayaan yang ditawarkan menerusi program ini?

- Pembiayaan Berjangka-i
- Pembiayaan Cash Line-i

4) Apakah kadar dan had pembiayaan untuk program ini?

Segmen	Kadar Pembiayaan	Had Pembiayaan
Mikro	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar Keuntungan: 6.50% (kadar rata) setahun • Kadar Subsidi Pembiayaan: 2% dari kadar keuntungan* • Kadar Selepas Subsidi: 4.50% kadar rata setahun. <p>*Nota: Tertakluk pada ketersediaan dana.</p>	RM1,000 sehingga RM50,000
Perusahaan kecil dan	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar Keuntungan: Kadar Asas Pembiayaan (KAP)* + 0.67% setahun (Termasuk yuran jaminan) 	RM50,001 sehingga RM1 juta



Segmen	Kadar Pembiayaan	Had Pembiayaan
sederhana (PKS)	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar Subsidi Pembiayaan: 2% dari kadar keuntungan* • Kadar Selepas Subsidi: KAP – 1.33% setahun (Termasuk yuran jaminan) <p>*Nota: Tertakluk pada ketersediaan dana.</p>	

*Kadar Asas Pembiayaan (KAP) boleh dirujuk pada laman web rasmi Bank Rakyat.

5) Apakah itu Kadar Subsidi Pembiayaan?

Kadar Subsidi Pembiayaan adalah subsidi yang diberikan oleh Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bagi Program Subsidi Kadar Keuntungan PMKS, iaitu sebanyak 2% daripada nilai kadar keuntungan yang ditawarkan oleh pihak Bank.

6) Berapa lamakah tempoh pembiayaan bagi program ini?

Kategori	Tempoh Pembiayaan
Mikro	Sehingga 5 tahun
PKS	Sehingga 7 tahun

7) Adakah terdapat perlindungan jaminan bagi program ini?

Ya. Jaminan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) bagi pembiayaan di bawah segmen PKS.

8) Berapakah yuran jaminan untuk permohonan pembiayaan ini?

Yuran jaminan bermula serendah 1% setahun.



9) Apakah kriteria kelayakan untuk program ini?

Mikro
<ul style="list-style-type: none"> • Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam aktiviti perniagaan yang sama. • Tiada rekod terjejas dalam CTOS dan CCRIS. • Tidak direkodkan sebagai Akaun Dibawah Pemerhatian Khas. • Aktiviti perniagaan hendaklah selaras dengan keperluan kemudahan pembiayaan Syariah.
Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)
<ul style="list-style-type: none"> • Perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam aktiviti perniagaan yang sama, serta mempunyai rekod kewangan 1 tahun yang memuaskan (menguntungkan). • Tiada rekod terjejas dalam CTOS dan CCRIS. • Tidak direkodkan sebagai Akaun Dibawah Pemerhatian Khas. • Nilai aset bersih/dana pemegang saham yang positif. • Nisbah Khidmat Kewangan (Finance Service Ratio, FSR) unjuran yang boleh diterima sebanyak ($\geq 1.25x$) dan penggearan (gearing ratio) ($\leq 3.5x$) untuk had pembiayaan ditentukan. • Aktiviti perniagaan hendaklah selaras dengan keperluan kemudahan pembiayaan Syariah.
<p>Nota:</p> <p>Pemohonan dengan rekod tunggakan PTPTN boleh dipertimbangkan tertakluk kepada perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Penjamin hendaklah memberikan bukti dokumen bahawa pelan pembayaran dengan PTPTN telah dicagarkan ATAU pembiayaan dengan PTPTN telah diselesaikan sepenuhnya atau ditetapkan; dan ii. Rekod CCRIS lain (kecuali PTPTN) adalah memuaskan.



10) Apakah dokumen yang diperlukan untuk membuat permohonan bagi program ini?

MIKRO
<ul style="list-style-type: none"> • Salinan kad pengenalan. • Salinan pendaftaran perniagaan yang telah disahkan. • Bukti perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya 3 tahun. (Tidak terhad kepada tarikh pendaftaran perniagaan). • Penyata bank 6 bulanterkini. • Simpan Kira Akaun/Rekod Jualan Terkini yang dikemas kini untuk 3 hingga 6 bulan terkini, atau mana-mana dokumen lain yang disahkan oleh pelanggan. • Sebarang dokumen yang boleh diterima dan diperlukan oleh Bank.
PKS
<ul style="list-style-type: none"> • Bagi syarikat sendirian berhad (SDN BHD), akaun yang diaudit sepanjang tiga tahun terkini (atau akaun pengurusan yang terkini) (disahkan oleh Setiausaha Syarikat). • Untuk milikan tunggal/perkongsian, penyata kewangan bagi 3 tahun terkini (disahkan oleh pemilik) • Unjuran aliran tunai (jika berkenaan). • Penyata bank 6 bulan terkini. • Sebarang dokumen yang boleh diterima dan diperlukan oleh Bank.

11) Adakah program ini mempunyai tawaran eksklusif untuk sebarang produk lain Bank?

Ya, terdapat beberapa tawaran produk yang tersedia untuk program BR PROSPER-i ini termasuk:

- 1) Kad Kredit-i Platinum Explorer/Kad Kredit-i Muslimah (untuk usahawan wanita)
- 2) Pelan Takaful Amani Plus/Keyman Takaful*
- 3) Terminal Tempat Jualan (POS) (jika berkenaan) (Kos Terminal Sebenar, caj persediaan dan pemasangan mungkin dikenakan).

*Tertakluk pada terma dan syarat

12) Berapa lamakah proses kelulusan permohonan bagi program ini?

14 hari waktu bekerja.



13) Berapa lamakah tempoh program pembiayaan ini ditawarkan?

Sehingga dana peruntukan habis digunakan.

14) Bagaimanakah cara untuk memohon pembiayaan ini?

Pelanggan boleh melayari <https://qr2e.bankrakyat.com.my> untuk memohon. Langkah memohon adalah seperti berikut:

1. Klik pada pilihan eBiz Suite
2. Pilih pilihan **Pembiayaan Perniagaan-i** atau **Pembiayaan Mikro-i** dan tekan **Mohon Sekarang**

Atau layari www.bankrakyat.com.my untuk maklumat lanjut. Pelanggan juga boleh menghubungi atau mengunjungi mana-mana Pusat Perbankan Perniagaan Bank Rakyat (BBC) yang berdekatan.

Senarai BBC adalah seperti berikut:

No	BBC	Alamat
1.	Kuala Lumpur	Tingkat 15, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat, No 33, Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470, Kuala Lumpur.
2.	Selangor	No. 9 & 11, Tingkat 1, Jalan Tengku Ampuan Zabedah, U9/9H, Seksyen 9, 40000, Shah Alam, Selangor.
3.	Melaka/Negeri Sembilan	Unit 4-3, Tingkat Tiga, Jalan KC 1, Kota Cemerlang, 75450, Ayer Keroh, Melaka.
4.	Pahang	No. 43A, Jalan Haji Abdul Aziz, 25000 Kuantan, Pahang.
5.	Perak	No. 61, Tingkat Bawah & Tingkat 1, Lengkok Kledang Raya, Taman Kledang Raya, 30100 Ipoh, Perak.
6.	Johor	Aras 2, Menara 2, #02-01, Coronation Square, Jalan Abdullah Ibrahim, 80000, Johor Bahru, Johor.
7.	Utara	No 21 & 22, Tingkat 2, Jalan Jati 1/1, Pusat Perniagaan Amanjaya, 08000, Sungai Petani, Kedah.
8.	Pantai Timur	Tingkat 1 & 2, PT 1711, Jalan Raja Zainab 2, Bandar Baru Kubang Kerian, 16150 Kota Bharu, Kelantan.





Bank Pilihan Anda

No	BBC	Alamat
9.	Sabah	Lot 5 & 6, Tapak Putatan Baru, Jalan Putatan, 88300 Kota Kinabalu, Sabah.
10.	Sarawak	Block E Tower, Lot No. 1654 (SL46), Sentosa Parade, Block 46 Kuching Central Land District, 7th Mile, Jalan Penrissen, 93250 Kuching, Sarawak.

